

# SO LO

Bukan aku tak sudi ... .

333

FAIZAH AHMAD

# 511274

**Bonda Nor**  
Sdn Bhd

F-G-3, Indah Condominium, Jalan PJU 10/9,  
Prima Damansara, 47130 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**SOLO**  
Terbitan Pertama 2025

©Hakcipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, ataupun cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak Bonda Nor Sdn. Bhd.

**PENULIS**  
Faizah Ahmad

**PRUF**  
Faizah Ahmad

**PEMASARAN**  
Cik Pae  
(011-23215587)

**EDITOR**  
Bonda Nor

**REKA LETAK**  
Reka Lukis



Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0018-83-6

899.2022

FAI




# SOLO

Bukan aku tak sudi ...



**FAIZAH AHMAD**



# Kandungan

<b>1</b>	Tegas dalam Taufan	1
<b>2</b>	Seruan Suara Hati	14
<b>3</b>	Lidah Berbisa	23
<b>4</b>	Antara Rindu dan Luka	31
<b>5</b>	Dalam Rumah, dalam Hati	38
<b>6</b>	Peluang di Tengah Kekalutan	43
<b>7</b>	Kelas Kasih Sayang	50
<b>8</b>	Pilihan Ayah	56
<b>9</b>	Pertemuan yang Tidak Dijangka	64
<b>10</b>	Batas yang Teruji	74
<b>11</b>	Retak yang Tidak Diduga	83



12	<i>Red Flag</i>	90
13	Jawapan Dari Hati	97
14	Cahaya Kembali	102
15	Jawapan dari Langit	106
16	Sunyi yang Berbisik	112
17	Kebenaran yang Pedih	121
18	Jawapan Kebahagiaan	134
19	Terhimpit	140
20	Sayonara	147
21	Antara Bahagia dan Ujian	159
22	Persimpangan yang Menyesakkan	165
23	Belajar Macam Tak Belajar	171
24	Menemukan Cahaya Baru	179
25	Kasih yang Takkan Terputus	184
26	Sebuah Pengakhiran	190
27	Sebuah Permulaan	195
	Biodata Penulis	204

**“Jangan kau  
tanya, mengapa  
aku masih sendiri  
kerana takdir  
itu misteri dan  
jawapan itu tiada  
pada diri ini!”**



# Tegas dalam Taufan

**B**unyi bising mesin kilang beroperasi seperti biasa, menjadi irama latar hari-hari Jeslina di pejabat. Sebagai jurutera analisis dan kualiti, setiap tugasnya adalah memastikan semua data tepat sebelum produk diluluskan.

Gadis tinggi lampai dan berkaca mata itu tampak profesional dan tekun di mejanya. Dia sedang ralit memeriksa laporan sambil menyisip air dari botol

mineralnya, sebelum tiba-tiba pintu pejabat terkuak dengan kasar.

Tommy Takahashi, yang terkenal dengan sikap *perfectionist*, melangkah masuk dengan fail tebal di tangan. Wajahnya serius dan langkahnya terlihat tegas.

“Jeslina!” Suara Tommy bergema, menarik perhatian beberapa rakan sekerja di ruangan pejabat. Mereka berbisik-bisik, cuba memahami apa yang berlaku.

Jeslina memandang Tommy dengan tenang. Pengurus besar berbangsa Jepun yang berusia awal 40-an itu memang punya wibawa. Tubuhnya yang tegap dan tinggi, memberikan aura dominasi yang sering menyebabkan sesiapa saja yang berurusan dengannya patuh pada arahan. Namun, kelebihan itu tidak terguna pakai untuk Jeslina. Gadis Melayu itu kekal anggun dengan karismanya yang tersendiri.

“Ya, Encik Tommy, ada apa?” Tommy meletakkan fail di meja Jeslina dengan sedikit hentakan.

“Laporan ini salah! Data analisis tekanan yang awak berikan pada laporan tidak betul. Kalau ini diteruskan, ia bukan sahaja menyebabkan masalah teknikal dalam operasi mesin, tetapi juga boleh membahayakan pengguna akhir!”



Jeslina memandang fail tersebut dan mula memeriksa kandungannya. “Encik Tommy, saya rasa ralat ini mungkin datang daripada kalibrasi alat pengujian. Saya akan semak dengan pasukan saya segera.”

Tommy mengetap bibir. Terpancar ekspresi tidak puas hati pada wajahnya.

“Jeslina, ini bukan soal mungkin! Kita bekerja dengan fakta, bukan dengan andaian! Sebagai jurutera kualiti, tugas awak adalah memastikan data yang betul dihantar kepada saya. Kesilapan seperti ini boleh membawa kepada kecelakaan serius. Saya tak mahu ada kesalahan lagi dalam laporan seterusnya!”

**Jeslina menarik nafas panjang,  
cuba menenangkan dirinya.  
Dia bangkit dari kerusi dan  
memandang Tommy dengan  
pandangan tegas.**

“Encik Tommy, saya faham betapa pentingnya ketepatan dalam projek ini dan saya akan pastikan masalah ini selesai. Namun, kita perlu bekerjasama untuk mencari punca utama ralat ini dan memastikan ia tidak berlaku lagi.”



# SOLO

Suasana pejabat terasa tegang, tetapi keheningan itu pecah apabila Maira, rakan sekerja Jeslina yang bertugas di bahagian analisis data, muncul dengan dokumen tambahan di tangan. Maira melangkah dengan senyuman kecil sebelum menyerahkan dokumen kepada Tommy.

“Saya minta maaf mengganggu, Encik Tommy. Sebenarnya, ini laporan terkini. Pasukan teknikal baru mengesahkan bahawa perisian simulasi yang digunakan oleh vendor mengalami gangguan baru-baru ini,” kata Maira dengan sopan tetapi jelas. Tommy memandang dokumen tersebut dan membacanya dengan pantas. Mukanya sedikit berubah, tidak lagi setegang tadi.

“Baiklah. Pastikan semua alat diuji semula dan saya mahu laporan baharu dihantar kepada saya secepat mungkin. Kita tidak boleh ambil ringan perkara ini!”

Selepas Tommy beredar, Jeslina menghela nafas panjang. Dia memandang Maira dengan senyuman kecil.

“Terima kasih, Maira. Syukur kau ada. Kalau tak, mungkin aku dah kena ‘rebus’ tadi. Masak!”

Maira ketawa besar.

“Relakslah, Jes. Kau memang kuat. Aku tahu kau boleh hadap dia. Tom memang macam itu, sentiasa kalut,

manakala Jerry pula sentiasa tenang dan bijak. *Tom and Jerry. Tommy and Jeslina.* Wow, memang secocok dah tu!”

“Hey Maira, aku bukan tikuslah!” jerit Jeslina.

“Isy, kau ni. Boleh tak jangan melaung macam aku duduk 100 kilometer dari kau. Dengar dek Tommy tu karang, lagi panas api dia menyembur!” balas Maira sambil terkekeh ketawa.

**Jeslina dan Maira, dua orang sahabat baik di kilang antarabangsa itu. Sekali pandang, macam kembar dengan ketinggian yang sama. Kedua-duanya berkulit cerah. Cuma bezanya, Maira lebih berisi manakala Jeslina pula memakai cermin mata.**

Setelah sekian lama Jeslina bertugas di situ dengan suasana yang asing, dikelilingi ramai staf berbangsa asing, kehadiran Maira bagaikan satu nikmat yang besar buatnya. Sikap mereka yang sama *happy go lucky* buat mereka sekepala. Ngam!

“Jes, aku dah semak alat pengujian. Aku dah dapat sahkan memang puncanya adalah gangguan pada sistem kalibrasi automatik. Kau nak tengok sekarang?” sampuk Adib yang tiba-tiba muncul. Semangat membara jelas terpamer pada wajah juruteknik itu.

Jeslina tersenyum puas.

“Bagus, Adib! Jom kita kemaskan data dan buat laporan baharu!”

\*\*\*\*\*

Jeslina kembali ke mejanya dengan hati yang bercampur-baur. Perbualan bersama Tommy tentang cuti umrahnya tadi masih segar di fikiran. Bosnya itu menolak permohonan tersebut dengan alasan Jeslina lewat membuat permohonan dan banyak hal di kilang sedang dalam fasa kritikal.

Jeslina menggigit bibir. Pandangannya merayau ke seluruh ruang pejabatnya. Ruangan kerja di syarikat Jepun tidak sama dengan syarikat biasa. Meja-meja jurutera dan pekerja lain disusun secara terbuka dan tiada pejabat khas. Manakala, meja bos atau pengurusan atas akan duduk berhadapan atau membelakangi mereka.

Setiap *department* hanya sebelah menyebelah tanpa ada sebarang halangan dinding. Apabila Tommy marah-marah tadi, seluruh staf di ruangan lantai itu memandang ke arah Jeslina. Bengang betul! Sakit hatinya kerana Tommy memperlakukan dia seperti itu. Dia malu!

Lama Jeslina termenung. Fikirannya bercelaru. Mood kerjanya berantakan. Dia tidak tahu mahu beri jawapan apa pada mak yang mengharap dia ikut dalam trip ibadah penting itu. Sementara, Jeslina tahu mak selalu tidak sihat. Walaupun ayah ikut bersama tapi sebagai anak, Jeslina tahu ini juga peluang besar untuk dia menawarkan khidmat!

“Jeslina,” suara Tommy terdengar di cuping telinga, memulakan perbualan.

Jeslina yang sedang mengelamun segera tersentak. Entah bila pula Tommy tiba-tiba muncul lagi di tepi mejanya. Wajah lelaki berbangsa Jepun itu seperti biasa, terlihat tegang dan keras. Namun, nada suaranya memanggil nama Jeslina lebih terkawal kali ini, tidak memetir seperti tadi.

“Saya sudah fikirkan permohonan cuti awak. Saya faham ini perkara penting untuk awak, jadi saya akan meluluskannya. Tetapi ada satu syarat.”

Jeslina memandang Tommy dengan penuh perhatian dan sedikit curiga.

“Syarat apa, Encik Tommy?”

Tommy meletakkan fail laporan di atas meja dan berkata, “Saya mahu semua laporan analisis dan kualiti untuk tiga minggu akan datang disiapkan dalam tempoh seminggu ini. Awak juga perlu pastikan tiada isu yang tertinggal sebelum awak bercuti!”

Jeslina terkejut. “Dalam masa seminggu? Ya Allah! Encik Tommy, ini bukan kerja yang boleh disiapkan dengan mudah. Biasanya, laporan-laporan ini mengambil masa lebih lama untuk diselesaikan. Saya rasa syarat ini terlalu membebankan!”

Tommy memandang Jeslina dengan ekspresi yang menjengkelkan.

“*Take it or leave it*, Jeslina! Saya beri kelonggaran untuk cuti awak kerana saya faham pentingnya ibadah ini pada awak. Tetapi, dalam masa yang sama, saya perlu memastikan operasi kilang berjalan dengan lancar. Awak bukan baru semalam bekerja di sini. Tekanan sebegini bukan hal baru apabila bekerja dengan syarikat Jepun!”

Jeslina menarik nafas panjang. Hatinya membuak-buak dengan perasaan marah, namun dia tahu bahawa ini

mungkin satu-satunya peluang untuk dia menunaikan ibadah yang sudah lama diimpikannya. Peluang baik tak datang selalu!

**Gadis yang berbaju blouse merah jambu dan bertudung warna senada itu menutup matanya sebentar, mencari kekuatan untuk menjawab.**

“Baiklah, Encik Tommy,” jawab Jeslina akhirnya. “Insya-Allah, saya akan cuba pastikan semua laporan disiapkan dalam tempoh seminggu.”

Tommy mengangguk kecil mendengar jawapan bernada pasrah itu. Terserlah wajah puasnyanya bagaikan sedang memenangi satu pertandingan yang sangat sukar.

“Saya percaya awak boleh melakukannya, Jeslina!”

Jeslina menyambut kata-kata positif itu dengan seribu satu rasa negatif. Rasa tersindir, rasa marah dan rasa kalah! Dia tahu ayat acah motivasi itu hanyalah topeng Tommy yang mahu mengenakannya lagi!

Melihat Tommy melangkah keluar, Maira yang tadi hanya terintai-intai dari kejauhan segera datang ke meja Jeslina dengan wajah penuh simpati.

“Dia luluskan cuti kau tak?” tanyanya.

Jeslina mengangguk perlahan sambil tersenyum nipis.

“Ya, tapi ada syaratnya ... aku kena siapkan kerja untuk tiga minggu dalam masa seminggu!”

Maira mengerutkan dahi. “Hah! Itu bukan cuti namanya. Itu *workload in advance!* Gila betul ni! Banyak kerja tu, Jes. Kau okey? Takkan kau dah setuju?”

Jeslina menarik nafas dalam-dalam dan mengangguk.

“Tak apalah, Maira. Aku okey. Aku sanggup buat sebab aku betul-betul nak pergi umrah. Aku kena temankan mak ayah aku, Maira. Insya-Allah, aku boleh buat.”

Maira meletakkan tangannya di bahu Jeslina. “Jangan risau, aku dengan Adib akan tolong kau. Kau takkan buat semua ni seorang diri.”

Jeslina tersenyum tenang walaupun hatinya terus membahang. Kata-kata pujukan Maira bagaikan menyiram air ke daun keladi, sedikit pun tak berjaya meredakan panas hatinya. Hatinya masih sakit mengenangkan lelaki berkulit cerah dan bermata sepet itu. Kenapalah Tommy kejam sangat? Dia bukannya akan pergi dari kilang itu buat selama-lamanya. Dia hanya mahu cuti selama dua minggu. Ah, terkadang dia merasakan Tommy sengaja



memperlakukan dia sebegitu. Sengaja nak menyusahkan hidupnya. Dasar pembuli!

‘Agaknya, dia seorang yang anti Islam?’ Jeslina tertanya-tanya sendiri. Namun seketika kemudian, segera dia menepis prasangka buruk yang singgah.

‘Ah, aku akan buktikan pada Tommy, orang Islam tidak lemah dan malas. Aku akan siapkan semuanya!’ Jeslina bercakap seorang diri di mejanya.

Maka, bermulalah saat Jeslina, ‘si tikus comel’ yang selalu diusik Maira itu bertukar menjadi lipas kudung. Gaya kerjanya pun sudah bertukar macam sotong yang masih tak cukup tangan dan kaki. Kalau biasanya dia sering dicemuh kedekut masa oleh Tommy kerana datang ke pejabat *on time* sangat, kali ini dia seperti berlumba-lumba dengan *guard* yang bertugas pada sesi pagi!

Setiap hari Jeslina berpuasa sebagai cara untuk mencergaskan dirinya dan supaya tidak perlu ke kantin pada waktu makan. Dengan cara itu, dia boleh terus tenggelam dalam timbunan kerjanya. Dia hanya berehat untuk solat, selebihnya terus menekuni satu per satu kerja yang perlu dibuat. Bekerja dengan syarikat antarabangsa seperti Jepun, semua ketepatan maklumat diperlukan, tak boleh main-main!



Kasihannya Jeslina. Malam terakhir sebelum berangkat ke lapangan terbang pun dia masih berjuang. Meninggalkan pejabat jam sebelas malam, dia kelam kabut bergegas balik ke rumah sewanya untuk membuat persiapan terakhir sebelum bertolak ke lapangan terbang pada jam satu pagi. Semuanya ala kadar kerana masa terlalu mencemburui.

Mak dan ayah sudah lama menunggu di sana, hanya dia saja yang belum tiba. Jeslina tahu dia perlu pantas-pantas bersiap. Tubuhnya menjerit keletihan, sedang air matanya mula laju bercucuran.

Masuk sahaja ke dalam kereta adiknya, Jeslina menarik nafas lega. Akhirnya!

‘Ya Allah, terima kasih kerana mencukupkan keperluanku. Terima kasih kerana menjemput aku ke rumah-Mu.’

**Hati gadis itu tetap sarat dengan rasa syukur. Walaupun Tommy memberi tekanan dengan kerja yang bertimbun, Allah mempermudah setiap langkahnya. Beban tugas yang kelihatan mustahil pada awalnya, menjadi lancar.**

## **Alhamdulillah, Maira dan Adib juga banyak membantunya.**

Walaupun persiapan untuk ke Haramain hanya dapat dibuat ala kadar sahaja dek kerana kesuntukan masa, namun segala keperluan untuk perjalanan penuh makna ini tersedia tanpa kekurangan. Syukur, syukur dan syukur. Dalam kesibukan dan kepenatan, Jeslina sedar bahawa Allah sentiasa ada, mengatur segala-galanya dengan penuh kasih sayang. Kereta yang dipandu adiknya, Danial meluncur laju menuju ke lapangan terbang, meninggalkan segala yang pahit untuk dikenang.

*Labbaikallahummalabbaik!*

# Seruan Suara Hati

Jeslina melangkah perlahan di bawah langit malam Mekah, menuju ke Masjidil Haram. Udara padang pasir yang sejuk di saat itu terasa menyentuh kulitnya, membuatkan hati Jeslina semakin dingin membawa beban emosi yang sangat berat. Dia memeluk erat beg

kecil yang tersandang di bahagian depan tubuhnya, cuba menenangkan diri daripada rasa yang sukar untuk diluahkan.

Ribuan jemaah berjalan bersamanya, masing-masing menuju ke rumah Allah dengan penuh harapan dan doa. Ketika menghampiri pintu masuk Masjidil Haram, Jeslina tidak dapat menahan pandangan matanya daripada menangkap tingkah sepasang suami isteri yang berjalan mesra di hadapannya. Si suami memegang tangan isterinya dengan penuh kasih, sementara si isteri membalas dengan senyuman yang hangat. Mereka berbicara perlahan, mungkin saling berkongsi doa yang akan mereka panjatkan bersama. Sesekali, si suami membetulkan hijab labuh isterinya, menunjukkan perhatian yang mendalam.

Jeslina mahu terus melangkah perlahan sambil tersenyum, tetapi entah kenapa hatinya mula terasa sayu. Dia berhenti sejenak, memandang pasangan itu dengan rasa yang sukar digambarkan. Mata Jeslina mula berkaca-kaca dan dia menggigit bibirnya, cuba menahan emosi yang tiba-tiba mencengkam.

‘Ya Allah, betapa indahnya cinta mereka. Betapa bahagianya mereka mempunyai seseorang di sisi untuk saling melindungi, untuk saling mengasihi kerana-Mu.

*"Jangan kau  
tanya, mengapa  
aku masih sendiri  
kerana takdir itu misteri  
dan jawapan itu tiada  
pada diri ini!"*

# SO LO

ISBN 978-967-0018-83-6



9 789670 018836

**BONDA  
NOR**  
SDN. BHD



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA